

BERITA HARIAN 18/02/2016

## UniSZA manfaat kemudahan infrastruktur, tanah

**Kuala Nerus:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan memanfaatkan segala aset termasuk kepakaran pensyarah, kemudahan infrastruktur dan tanah untuk menambah pendapatan berikutan pengurangan bajet sebanyak 20 peratus oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata pelbagai cara boleh digunakan untuk menjana ekonomi universiti berkenaan kerana UniSZA adalah antara universiti terbesar di Pantai Timur.

Katanya, kerajaan mengambil langkah berjimat cermat dengan mengurangkan bajet mengikut kesesuaian universiti antara 20 hingga 40



Zubaidi (kiri) menerima memorandum, daripada Yahaya sambil disaksikan Alimuddin pada **Majlis Serah Tugas** di UniSZA Kampus Gong Badak, semalam.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

peratus.

"Alhamdulillah, potongan bajet UniSZA adalah yang rendah berbanding universiti terkemuka lain iaitu pengurangan 20 peratus yang mana sebanyak RM160 juta diperuntukkan kepada UniSZA pada tahun ini.

"Berikutan pengurangan itu, pihak universiti berusaha memikirkan langkah untuk menjana pendapatan melalui penggunaan aset seperti dewan, gelanggang futsal, kelengkapan, kemahiran pensyarah serta penggunaan tanah yang luas di Kampus Tembila, Besut dan Pasir Akar memabitkan keluasan kira-kira 560 hektar," katanya yang ditemui pada di Majlis Ramah Mesra dan Amanat Tahun Baharu 2016 di Gong Badak, di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan bekas Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim.